



کمنتريين حال احوال دالم نكري  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

## SIARAN AKHBAR

### PELAKSANAAN PELAN-PELAN *DE-ESCALATION* BERMULA

17 OGOS 2020

#### 1. PERKHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN (*DINE-IN*) DI PREMIS- PREMIS MAKANAN (FASA KEEMPAT DENGAN PENGEMASKINIAN BAGI SYARAT PENYAJIAN MAKANAN SECARA *BUFFET*)

#### 2. PAWAGAM (FASA KETIGA)

1. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita memaklumkan bahawa berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan mengenai dengan langkah-langkah pelaksanaan pelan *de-escalation*, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melaksanakan pelan-pelan *de-escalation* **bermula hari Isnin, 27 Zulhijah 1441 bersamaan 17 Ogos 2020** bagi:-
  - 1.1 Perkhidmatan Penyajian Makanan (*Dine-In*) di Premis-Premis Makanan; dan
  - 1.2 Pawagam (Fasa Ketiga).

## **PERKHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN (*DINE-IN*) DI PREMIS- PREMIS MAKANAN (FASA KEEMPAT DENGAN PENGEMASKINIAN BAGI SYARAT PENYAJIAN MAKANAN SECARA BUFFET)**

2. Pelaksanaan Pelan *De-Escalation* bagi premis-premis makanan seperti restoran, kafe dan *food court* adalah kekal berada dalam Fasa Keempat iaitu dengan mengikuti garis panduan sepertimana yang telah disampaikan semasa Sidang Media pada 22 Julai 2020 yang lalu. Walau bagaimanapun, bermula 17 Ogos 2020 ini, **penyediaan makanan secara *buffet* adalah dibenarkan dengan syarat makanan *buffet* dihidangkan oleh pekerja premis makanan.** Garis panduan yang terperinci bagi Perkhidmatan Penyajian Makanan (*Dine-In*) Di Premis-Premis Makanan dalam Fasa Keempat yang terkini akan dimuat naik ke laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

## **PAWAGAM (FASA KETIGA)**

3. Di bawah pelaksanaan Pelan *De-Escalation* Fasa Ketiga bagi pawagam, jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk dalam satu-satu masa adalah **dinaikkan kepada 80% dari jumlah kapasiti biasa (*normal capacity*)** ruang duduk pawagam berkenaan dengan memastikan penjarakan fizikal pengunjung pawagam **sekurang-kurangnya satu (1) tempat duduk.** Walau bagaimanapun, pengunjung yang datang secara berkumpulan adalah dibenarkan duduk berdekatan. Di dalam Fasa Ketiga ini jua, **kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah adalah dibenarkan untuk memasuki pawagam.** Orang ramai bolehlah merujuk garis panduan terperinci bagi pawagam dalam Fasa Ketiga yang akan dimuat naik ke laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

4. Pelaksanaan pelan *de-escalation* ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat berdasarkan pemantauan Kementerian Kesihatan akan situasi wabak COVID-19 di negara ini dan juga di peringkat serantau dan global. Orang ramai akan dimaklumkan mengenai pelaksanaan pelan *de-escalation* ini selanjutnya dari semasa ke semasa.
  
5. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga ingin mengingatkan bahawa pihak-pihak yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan adalah boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.
  
6. Untuk maklumat lanjut, para pengurus premis-premis makanan dan pawagam serta orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di [www.moha.gov.bn](http://www.moha.gov.bn).

**-TAMAT-**

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

22 Zulhijah 1441H / 13 Ogos 2020